

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Terpaksa 'puasa' kupang

HM 04/04/24 M 15 18

Port Dickson

Penggemar makanan laut henti pengambilan sementara berikutan kes keracunan

Kejadian keracunan makanan kononnya akibat pengambilan kupang baru-baru ini, sehingga menyebabkan beberapa individu terpaksa dirawat di hospital, menyebabkan ramai penggemar makanan itu 'berpuasa' daripada mengambilnya.

Nelayan, Ayob Nasir, 67, berkata, Aidilfitri bakal menjelma tidak lama lagi dan ramai warga Port Dickson menjadikan rendang kupang atau kerang antara juadah istimewa setiap kali tibanya hari perayaan.

"Kes keracunan akibat kupang dan makanan berasaskan cengkerang belum pernah berlaku lagi sejak saya menjadi nelayan di Kampung Teluk, Pasir Panjang.

"Kami (nelayan) masih tidak tahu adakah kupang atau kerang yang menjadi

PENTERNAK kupang, Othman Sulaiman, menunjukkan pancang kupang yang digunakan untuk memelihara kupang di Kampung Teluk, Pasir Panjang. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM



punca keracunan kerana ia masih disiasat pihak berkuasa.

"Setakat ini, kami diarahkan pihak berkuasa supaya menghentikan sementara pengeluaran kupang sebelum kajian punca ramai yang terjejas kesihatan sebaik memakan kupang baru-baru ini, selesai dijalankan," katanya ditemui di Jeti Kampung Teluk, di sini.

Menurutnya, kupang di Kampung Teluk memang terkenal dengan keunikannya dan sering menjadi pilihan pelanggan.

"Kami akur dengan arahan ini memandangkan ramai yang ditahan di hospital apabila diserang sakit perut, cirit birit dan lemah sendi.

"Kebetulan abang ipar saya yang berusia 64 tahun masih dirawat di Hospital Port Dickson apabila mengalami pening kepala serta lemah badan selepas memakan kupang," katanya.

Kerani di Balai Nelayan Teluk Kemang, Nurul Hidayah Salahudin, 39, berkata, dia biasanya membeli antara 10 hingga 20 kilogram kupang untuk dibuat rendang.

"Tahun ini, kami tidak dapat menyediakan rendang dan berharap isu ini segera selesai.

"Kami sanggup menunggu hingga isu ini selesai kerana yang penting, selepas ini, ia tidak menda-tangkan isu kesihatan," katanya.

Sementara itu, pengusaha kupang, Mohd Khairul berkata, dia hanya membantu perusahaan ternakan kupang yang diusahakan sejak enam tahun lalu.

"Ini julung kali pengusaha kupang diuji dengan keadaan yang mana kami terpaksa menghentikan pengeluaran kupang akibat isu ini.

"Bagaimanapun, kami tetap beri kerjasama dan berharap pihak berkuasa dapat menyelesaikan punca masalah ini," katanya.

Pada masa sama, katanya, semua pengusaha kupang bersedia dengan segala kemungkinan malah bersyukur kerana setakat ini, kupang yang ditenak masih hidup.